

RESEARCH ARTICLE

PERMASALAHAN YANG DIHADAPI OLEH BRITISH SEMASA MENDUDUKI TANAH MELAYU DARI KACAMATA BRITISH 1786-1957

(Problems Faced by the British during the Malaya Occupation from British Perspective 1786-1957)

Hasnah Binti Hussin

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia

ABSTRAK - Pendudukan British di Tanah Melayu adalah antara topik paling penting dalam sejarah negara ini. Pendudukan British telah meninggalkan banyak kesan sama ada dari aspek politik, ekonomi, sosial, budaya dan pemikiran masyarakat di negara ini yang mana kesannya boleh dilihat sehingga ke hari ini. Persoalannya, apakah pendudukan British di negara ini berjalan dengan lancar dan tiada masalah?. Kajian ini dilakukan bagi melihat apakah masalah-masalah yang mana ia diakui sendiri oleh pegawai British yang mewakili orang British dan ternyata British juga mempunyai beberapa kelemahan dalam mentadbir dan menaungi Tanah Melayu. Tanpa kerjasama pemerintah dan rakyat, British tidak mampu menduduki dan memerintah negara ini selama beratus tahun. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan berdasarkan laporan yang direkodkan oleh pegawai British di Tanah Melayu bertarikh 1954.

ABSTRACT - *The British occupation of Malaya is one of the most important topics in the history of this country. The British occupation has left many effects either from the political, economic, social, cultural and community. Is the British occupation in this country going smoothly and without problems?. This study was carried out to see what the problems were which were admitted by the British officials who represented the British people and it turned out that the British also had some weaknesses in governing and protecting Malaya. Without the cooperation of the government and the people, the British would not be able to occupy and rule this country for hundreds of years. This study uses a literature review methodology based on reports recorded by British officers in Malaya dated 1954.*

1.0 PENDAHULUAN

Sebagaimana yang telah diketahui umum, Tanah Melayu telah diduduki dan diperintah oleh beberapa kuasa asing seperti Portugis, Belanda, British, Jepun dan akhir sekali British sekali lagi sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Antara perkara yang dibincangkan mengenai pendudukan British di negara ini adalah wujudnya penentangan oleh penduduk tempatan yang tidak bersetuju dengan cara pemerintahan British seperti penentangan Tok Janggut di Kelantan, Abdul Rahman Limbung di Terengganu, Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang, Mat Saleh di Sabah, serta berlakunya pembunuhan ke atas pegawai British iaitu J.W.W Birch di Perak. Ini menunjukkan pendudukan British di negara ini selama beberapa tahun menghadapi masalah. Tetapi, itu hanya satu permasalahan yang dirakam dalam buku-buku sejarah negara ini. Apakah ada masalah-masalah lain yang dihadapi oleh British selain penentangan oleh penduduk tempatan? Justeru itu, tulisan ini akan mendedahkan pengakuan oleh pegawai British sendiri yang menulis mengenai beberapa permasalahan yang mereka hadapi semasa menduduki, menaungi dan menjajah negara ini.

Kajian lepas tentang pendudukan British di Tanah Melayu banyak ditulis oleh pegawai British sendiri dan juga pengkaji tempatan. Antaranya yang paling awal adalah tulisan oleh Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*. Penulisan ini memaparkan corak pemerintahan British dari tempoh Perjanjian Pangkor sehinggalah ke penubuhan Persekutuan terhadap 4 buah negeri yang berada dalam naungan British terutamanya di Perak dan Selangor (Emily Sadka, 1968).

Antaranya W. Linehan yang menulis tentang *History of Pahang*, di mana beliau mengetengahkan sejarah Pahang sehingga penghujung kurun ke-19. Linehan tidak merujuk kepada sumber Pejabat Kolonial British (seperti CO 273) tetapi banyak menggunakan laporan tahunan Pahang yang kini dikelompok dalam CO 43J *Sessional Papers Annual report on the Society and Economic Progress of the People of Pahang*. Jadi penulisan buku ini adalah berkenaan perkembangan negeri Pahang dalam pelbagai aspek tanpa menyentuh tentang permasalahan British dalam mentadbir negeri Pahang.

*CORRESPONDING AUTHOR | Hasnah Hussin |  hasnah@ump.edu.my

© The Authors 2023. Published by Universiti Malaysia Pahang Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Morgan H. Baumann dalam penulisannya yang bertajuk British Rule in Malaya juga memaparkan tentang pentadbiran British di Malaya. Penulisan ini hanya memfokuskan kepada pentadbiran British terhadap perkhidmatan awam di Tanah Melayu. Frank Athelstane Swettenham, dalam penulisannya British Malaya, memberikan rumusan tentang zaman imperialisme barat di Tanah Melayu. Beliau mempunyai pandangan yang agak naif mengenai idea British Malaya memandangkan beliau adalah seorang penjajah. Bagi beliau, terdapat perkara yang sengaja ditinggalkan daripada sejarah Malaysia yang diajarkan di sekolah seperti pembunuhan J.W.W.Birch yang menjadi sejarah hitam pendudukan British di negara ini. Beliau menulis dari kacamata beliau tentang kehadiran British yang ditentang oleh penduduk tempatan.

Penulisan Frank Swettenham seterusnya adalah British Malaya An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya. Pertama kali diterbitkan pada tahun 1948, ia memaparkan tentang peralihan daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu yang meliputi Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura moden. Penulisan ini menceritakan pengalaman penduduk British pertama di Tanah Melayu. Objektifnya adalah untuk menerangkan keadaan dan evolusi pentadbiran British di Tanah Melayu, bersama-sama dengan sejarah wilayah tersebut.

Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi et al, (2016) menjalankan kajian berkenaan Kolonialisma British terhadap Negeri-negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama. Beliau mendapati British telah memperkenalkan cara tersendiri bagi mengukuhkan penguasaan mereka ke atas negeri-negeri tersebut. Antara cara yang digunakan bagi mengukuhkan penguasaan terhadap NNMB bukan sahaja melalui perjanjian dan sokongan dengan raja-raja Melayu malahan mereka juga telah menggubal, meminda dan menghapuskan beberapa dasar bagi menjaga kepentingan mereka. Antara dasar yang diperkenalkan adalah penggubalan enakmen kecemasan dan dasar ekonomi bagi melemahkan ekonomi negara musuh (Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi et al, 2016).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji memilih tajuk tentang permasalahan yang dihadapi oleh British memandangkan tulisan tentang ini merupakan fail sulit yang tidak dibuka kepada umum sebelum ini. Malahan, fail ini juga merupakan fail rahsia British (confidential file LWC File bertarikh 17 November 1954) yang mana ia baru sahaja diberi kebenaran kepada pihak kerajaan Malaysia iaitu Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur untuk dibuka dan dipertontonkan kepada umum pada 22/7/1998. Jadi, fail ini sebenarnya adalah bertaraf rahsia dan telah diturunkan status kepada bahan bacaan umum. Justeru itu, fail ini perlu dirungkaikan dan disiarkan bagi masyarakat Malaysia memahami dengan lebih mendalam tentang sejarah pendudukan British di negara ini. Ini memandangkan isu tentang permasalahan British di Tanah Melayu tidak pernah ditulis dan disiarkan secara telus dan mendalam sebelum ini sama ada oleh penulis Barat atau penulis tempatan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian adalah bersifat kualitatif dari jenis kajian perpustakaan. Ia menerapkan kaedah dokumentasi dengan mengkaji bahan primer seperti laporan dan rekod rasmi kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

4.0 PERBINCANGAN

Perbincangan dalam penulisan ini adalah memaparkan laporan yang ditulis oleh Eric Kocher, di mana beliau menyatakan masalah British di Tanah Melayu pada umumnya merupakan masalah yang biasa dihadapi oleh kuasa-kuasa penjajah dalam mentadbir kawasan jajahan atau naungan di beberapa buah negara. Kebanyakan cuba membina dan membentuk sistem kepimpinan yang teratur ke arah pemerintahan sendiri. Dalam hal ini, British mengakui terdapat dua masalah paling besar iaitu berkaitan Komunalisme dan Komunisme. Dalam menangani pelbagai masalah di Tanah Melayu, British menyatakan mereka sentiasa bertindak dengan jelas dan jujur dan pada suatu masa mereka dilihat sangat mementingkan diri sendiri dan kelihatan kurang bijak dalam menangani masalah. Mereka mendapati bahawa tindakan British dalam kebanyakan aspek tidak selalu ditangani dengan bijak sehingga tindakan mereka diperdebatkan khususnya berkaitan dengan politik dan perkauman.

4.1 Komunis

Darurat di Tanah Melayu 1948-1960 sememangnya sinonim dengan Komunis. Pendudukan Komunis di Tanah Melayu telah meninggalkan sejarah yang tersendiri sama ada terhadap demografi, budaya, politik dan juga pemikiran masyarakat Melayu pada waktu tersebut. Masalah British dalam menangani komunis terbahagi kepada dua bahagian iaitu ketenteraan dan bukan ketenteraan. Dalam hal ini pihak British tidak dapat mengulas lanjut tentang keberkesanan pihak tentera dalam menangani masalah ini tetapi kaedah yang digunakan telah mendorong pengganas mendarikan diri ke hutan dan keagresifan mereka juga telah berkurangan dengan ketara. Pengarah Operasi iaitu Jeneral Bourne, sambil mendasarkan tindakannya pada arahan Briggs-Templer lama, telah menggunakan beberapa perkara baru ke dalam strategi semasa. Beliau mendakwa terdapat hubungan penting antara tentera dan politik di mana kemajuan politik dilihat penting dalam perancangan ketenteraan. Manakala aspek bukan ketenteraan dalam perjuangan Komunis termasuklah penyusupan ke dalam organisasi politik, pendidikan dan kesatuan sekerja. Memandangkan keadaan ketenteraan mencapai kebuntuan, Komunis cuba meruntuhkan organisasi yang telah ditubuhkan. Kejayaan usaha ini nampaknya bergantung sedikit sebanyak kepada dasar British dalam setiap bidang yang akan dibincangkan di bawah.

4.2 Politik

Matlamat politik British yang utama adalah untuk memimpin negara ini bagi mewujudkan sistem pemerintahan yang teratur ke arah pemerintahan sendiri. Untuk mencapai matlamat ini, pilihan raya telah diadakan di peringkat tempatan dan penduduk tempatan telah diberi peluang untuk membentuk kerajaan sendiri. Dalam hal ini, British memberi ruang dan peluang kepada penduduk Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri. Dalam rundingan bersama dengan The United Malays National Organisation (UMNO) dan The Malayan Chinese Association (MCA) untuk mendapatkan majoriti yang dipilih dalam Majlis Perundangan, British dikatakan telah membuat kesilapan. Daripada bersetuju secara baik menerima Delegasi Perikatan ke London, Pejabat Tanah Jajahan menolak permintaan UMNO - MCA untuk membuat perbincangan. Sepanjang rundingan mereka dengan Perikatan, Kerajaan Persekutuan dan Pejabat Tanah Jajahan telah menganggap UMNO dan MCA sebagai individu yang teruk dan mereka (British) tidak mahu mengakui bahawa gabungan itu mewakili kumpulan politik tersusun paling berkuasa di negara ini dengan sokongan akar umbi yang besar. Sikap kegusaran Persekutuan terhadap aktiviti Perikatan memuncak dengan tindakan perwakilan Perikatan memboikot mesyuarat Legco sebelum itu. Dalam beberapa kes di mana ahli UMNO dan MCA enggan meletak jawatan daripada Legco seperti yang diarahkan oleh Perikatan dan Dewan Perniagaan Cina. Kerajaan Persekutuan menyatakan bahawa ahli-ahli ini boleh kekal sebagai badan perundangan kerana sebenarnya mereka tidak mewakili organisasi yang telah mencalonkan mereka. Jika ahli Legco tidak mewakili organisasi yang menaja mereka, dan mereka hanya mewakili pandangan Kerajaan sahaja. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan curiga terhadap sebarang persoalan tentang bidang kuasa, kedudukan Perikatan sentiasa dipantau oleh British. Malangnya, dengan setiap penghinaan atau tanda tidak hormat yang ditunjukkan kepada Perikatan, pihak British telah memperkuuhkan lagi bahagian kiri UMNO yang berhaluan nasionalis. Elemen-elemen ini terus dikenang oleh anasir-anasir UMNO lain yang sehingga kini mengekalkan penguasaan organisasi. Tetapi persatuan MCA dengan UMNO juga telah membantu mengekalkan pertubuhan itu di tangan ahli-ahlinya yang lebih bertanggungjawab. Ini sahaja boleh dianggap sebagai alasan untuk British mengubah sikap asas mereka yang syak wasangka terhadap Perikatan dan cuba melihat beberapa kelebihan kerjasama Melayu-Cina walaupun ia tidak bermakna penurunan kawalan British ke atas perkara-perkara Tanah Melayu.

4.3 Pendidikan

Dasar British di Persekutuan adalah untuk mewujudkan "sistem sekolah kebangsaan", iaitu sekolah yang bahasa pengantaranya ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan bahasa lain sebagai bahasa ketiga. Krisis kewangan yang berlaku menyebabkan dasar kewangan disemak, dan setelah itu terdapat percubaan untuk menyuntik "ciri" sekolah kebangsaan ke dalam penubuhan pendidikan sekolah Inggeris dan sekolah vernakular. British tetap meneruskan pemberian bantuan untuk beberapa waktu dengan memberi subsidi kepada sekolah vernakular dan membenarkan operasi mereka berjalan seperti biasa. Keputusan ini dikatakan tidak adil kepada British dan mereka kesal dengan keputusan yang diambil walau bagaimanapun, apabila mendapati bahawa sekolah Inggeris dan Melayu masih ideal kepada British.

Dalam pada itu, Kerajaan (British) mencurigai percubaan orang Cina untuk mengekalkan sekolah vernakular mereka sendiri. Kecurigaan yang sama juga jelas berkaitan dengan Universiti Nanyang, bukan sahaja kerana ia dikhawatir akan tertakluk kepada penyusupan oleh Komunis dan unsur KMT tetapi terutamanya kerana Persekutuan melihatnya sebagai percubaan oleh orang Cina untuk mengelak atau menentang "Malayanisasi". Asimilasi dan kekurangan kespaduan kaum adalah perkara biasa. Walaupun ini matlamat utama British tetapi ia masih boleh dipertikaikan sama ada ia praktikal di Tanah Melayu. Orang Cina mencemuh "budaya" Melayu sebegitu rupa dan setakat ini tidak diberi sebarang insentif untuk menggugurkan sama ada bahasa mereka sendiri atau keutamaan mereka terhadap sastera dan seni mereka sendiri. Memandangkan orang Cina sama sekali tidak yakin dengan kualiti unggul yang ditawarkan kepada mereka, percubaan untuk melakukan pertukaran ke bahasa Melayu mempunyai peluang yang tipis untuk berjaya. Daripada membangkitkan kepekaan Cina mengenai isu ini, yang boleh menimbulkan sentimen, British membenarkan kewujudan bersama untuk semua jenis sekolah dan kemudian memasukkan bahasa Inggeris, yang menjadi syarat penting atau kelayakan untuk mendapatkan pekerjaan terbaik di Persekutuan, dan pada masa yang sama cuba menjauahkan minat orang Cina dari sekolah vernacular mereka.

Satu lagi bahaya atau ketakutan British terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu adalah pada guru-guru Melayu yang mendapat pendidikan di England. Ini kerana, guru-guru yang dilatih dengan cara Eropah dan budaya Inggeris telah berpaling daripada masalah negara mereka sendiri. Pemimpin-pemimpin ini telah dikritik apabila pulang ke Tanah Melayu. Mereka mendapati diri mereka telah jauh dari masyarakat tempatan atau bangsa sendiri. Daripada menghantar guru terbaik mereka ke luar negara, Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan pelanjutan institut latihan perguruan yang telah ditubuhkan di Persekutuan.

Di sekolah tempatan sendiri polisi yang agak pelik telah diamalkan sejak lama. Pihak British juga takut dengan pelajar Cina yang mungkin dipengaruhi sama ada oleh Komunis atau KMT. Oleh itu, semua sebutan tentang politik telah diharamkan di seluruh sekolah Cina. Kerana kekurangan hala tuju politik, Komunisme telah datang dan menyerapkan pengaruhnya dalam pertubuhan tersebut. Pada suatu ketika, wujud situasi yang agak rumit apabila lahirnya perbezaan ideologi atau sentimen dalam Persekutuan iaitu antara sentimen pro-Parti Komunis Cina dan sentimen pro-Parti Komunis Malaya. Guru-guru Cina yang mungkin bersimpati dengan rejim Peking nampaknya tidak terlalu diganggu oleh pihak berkuasa. Terdapat percubaan untuk memasuki orientasi politik di sekolah, walaupun pendekatan anti-Komunis secara langsung dijauhi, tetapi mereka berjaya menanamkan sejenis pro-Malayanisasi di kalangan pelajar.

4.4 Kesatuan Sekerja

Kesatuan Sekerja mempunyai sejarah yang tersendiri dalam Persekutuan. Sejurus selepas perang, terdapat percubaan serius untuk mempengaruhi mereka sehingga tahun 1948, apabila Komunisme menguasai pergerakan buruh. Pada ketika itu, struktur kesatuan sekerja yang sedia ada telah dimusnahkan, Komunisme diharamkan, dan satu masa hampir tiada langsung pergerakan buruh. British yang pada asalnya takut dengan kawalan Komunis ke atas kesatuan dan semua pengaruh agresif mengarahkan agar Kesatuan Sekerja tidak digalakkan atau dikembangkan, Kesatuan Sekerja perlu menjadi pertubuhan yang tidak berbahaya yang berfungsi mewakili kepentingan ahli-ahli kesatuan.

Tidak dinafikan taraf hidup penduduk Tanah Melayu berada pada tahap paling atas daripada kebanyakan negara Asia Tenggara yang lain. Ini semua adalah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperjuangkan taraf hidup yang lebih tinggi kerana ia mampu dicapai dan dilaksanakan oleh kerajaan. Penurunan harga getah, gaji penoreh dipotong buat kali kelima apabila kebanyakan ladang getah Tanah Melayu tidak memperoleh keuntungan yang cukup besar (Condos 220, 28 Januari 1954). Pemotongan gaji ini boleh dielakkan jika Kerajaan Persekutuan, mengalihkan pengaruhnya ke pihak buruh. Walaupun pengaruh Komunis tidak kuat dalam gerakan buruh, adalah sukar untuk melihat bagaimana pergolakan dan pengaruh Komunis dengan pihak pengurusan buruh. Keadaan ini akan menjadi lebih mudah apabila penanaman semula getah dengan benih baru yang menghasilkan hasil yang tinggi pastinya akan mendatangkan keuntungan dan secara tidak langsung akan meningkatkan kadar dividen yang tinggi.

4.5 Perkauman

British menyatakan bahawa perkauman mungkin merupakan masalah nombor satu di Tanah Melayu. Kesukaran adalah terletak pada usaha untuk mencapai keharmonian di kalangan pelbagai kumpulan kaum bagi membentuk sebuah negara Malaya yang bersatu. Komunalisme sememangnya merupakan tema yang menarik dalam kebanyakan masalah di Tanah Melayu selain Komunisme, pendidikan dan politik. Bagi menghadapi masalah ini, British sangat bergantung kepada politik keseimbangan kuasa. Oleh kerana orang Cina lebih maju dari segi budaya dan ekonomi, British merasakan mereka perlu mengimbangi kekuatan Cina melalui sokongan undang-undang terhadap kedudukan Melayu. Akibatnya, Perkhidmatan Awam dihadkan buat sementara waktu iaitu hanya dibuka kepada orang Melayu tetapi akhirnya ia dibuka kepada beberapa orang bukan Melayu. Perbezaan dalam undang-undang kewarganegaraan juga wujud antara Melayu dan bukan Melayu, dasar dan hak tanah berbeza-beza bukan sahaja dari negeri tetapi juga dari segi kewarganegaraan. Ini merupakan perkara yang sensitif dan menjadikan British dalam dilema. Orang Cina Malaya pada masa ini menuntut hak kerakyatan yang sama serta hak bahasa dan budaya yang sama dengan orang Melayu. Hak-hak ini, kata beberapa orang Cina secara automatik akan diberikan kepada mereka jika Komunisme Cina mengambil alih Tanah Melayu.

Sememangnya, orang Cina tempatan telah mengadakan pakatan dengan orang Melayu untuk mendapatkan hak yang mereka tuntut. Orang Melayu yang mewakili UMNO, nampaknya, telah bersetuju untuk menaja tuntutan Cina sebagai balasan kepada sokongan orang Cina terhadap hasrat Melayu untuk mempercepatkan pemerintahan sendiri. British melihat ini sebagai sesuatu yang malang kepada orang Melayu kerana ^telah melakukan dasar ini dan ia tidak boleh berundur lagi. British melihat mereka mungkin telah menumpukan perhatian mereka kepada isu emosi dan kerajaan sendiri berbanding dengan masalah asas dan ia akan kekal di Tanah Melayu. Berbanding dengan masalah ini, isu pemerintahan sendiri adalah jangka pendek dan tidak relevan. Juga dilihat dari sudut ini, orang Cina mungkin mengaut keuntungan paling besar daripada tawar-menawar ini kerana, dalam jangka panjang, sokongan untuk berkerajaan sendiri bukan sahaja lebih mudah tetapi lebih murah daripada program bantuan teknikal dan kewangan berskala besar kepada masyarakat Melayu. Dalam hal ini, jika orang Melayu telah tawar-menawar mengikut garis yang dicadangkan, apakah yang mungkin mereka perolehi? Orang Melayu hanya ada RIDA. Program RIDA yang telah diperkenalkan bukan sahaja untuk meningkatkan kehidupan di kampung tetapi juga untuk merangsang industri Melayu berskala kecil. Latihan teknikal dan perniagaan juga sesuai walaupun mungkin terdapat sedikit orang Melayu yang ingin mengambil kesempatan daripada peluang tersebut. Bagi petani, kilang padi, traktor, dan jentera tunggal untuk memproses getah pekebun kecil semuanya boleh digunakan dengan berkesan di seluruh Persekutuan. Tumpuan utama adalah kepada usaha untuk memberi pengetahuan ekonomi kepada orang Melayu.

Dinyatakan bahawa percubaan itu mungkin telah gagal. Orang Melayu akan jatuh tersungkur kerana masalah dari segi kewangan dan wang yang dibelanjakan akan kelihatan sia-sia. Nampaknya ia merupakan saat yang paling menguntungkan bagi orang Melayu untuk mendapatkan konsesi Cina.

British setakat ini kebanyakannya tidak mahu menghadapi masalah ini. Yang pasti, mereka telah memudahkan syarat kerakyatan bagi orang bukan Melayu dan mereka telah melantik beberapa Jawatankuasa untuk melihat status ekonomi orang Melayu. Walau bagaimanapun, sebahagian besarnya, mereka sanggup membiarkan ketidakadilan lama berterusan, menerima penggunaan ekonomi orang Cina dan menggunakan teknik imbangkuasa untuk mengamankan bidang politik dan pentadbiran untuk kawalan orang Melayu. Akibatnya, pelarasan semula sekurang-kurangnya bagi kaum Cina, mungkin akan dibuat selepas pilihan raya persekutuan, dan pemeriksaan semula orang Melayu terhadap peranan mereka sendiri dalam ekonomi negara mungkin akan menyulut agaknya kemudian. Walaupun British mungkin tidak menjadi sebahagian daripada usaha pemulihah ini, mereka juga tidak akan menyerang masalah asas negara di mana mereka telah melaksanakan kawalan terhadap ekonomi negara ini.

4.6 Kepimpinan

Salah satu rungutan British ialah penduduk Tanah Melayu masih belum bersedia untuk berkerajaan sendiri. Terdapat percubaan untuk merangsang kepimpinan melalui latihan dan kaedah lain, tetapi tidak mencapai apa yang diharapkan. British mempunyai keinginan dan ikhlas untuk melihat beberapa kepimpinan muncul di Tanah Melayu, tetapi jelas terlihat apabila pemimpin-pemimpin tersebut ternyata cukup bijak atau agresif untuk mencabar penguasaan British yang berterusan ke atas negara itu. Satu laporan telah dikemukakan kepada Legco mengenai Malayanisasi perkhidmatan kerajaan. Dalam laporan ini ditunjukkan bahawa hanya kira-kira 1/5 daripada pekerjaan teratas dalam perkhidmatan teknikal Malaya berada di tangan orang Malaya. Tekanan yang diberikan oleh laporan mengenai "kekurangan kelayakan" orang Malaya telah diambil oleh ramai orang Asia untuk menggambarkan sekali lagi keinginan British untuk melindungi kedudukan mereka sendiri dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan.

4.7 Kritikan Umum

Pada pandangan British, "kesilapan" yang dibincangkan di atas mudah untuk diselesaikan. British mempunyai hubungan yang rapat dengan ^Perikatan tetapi isu tentang perkauman tidak dibincangkan secara serius. Malangnya British mengabaikan aspek politik dan psikologi. Dalam hal ini, kesilapan politik terbesar yang dilakukan oleh British ialah penggubalan Perjanjian Persekutuan pada tahun 1948, yang mana ia merupakan percubaan British untuk memberikan status sama rata kepada orang Melayu dan bukan Melayu telah tidak direalisasikan. Perjanjian itu adalah satu kesilapan bukan sahaja kerana ia mewujudkan perpecahan baru di kalangan masyarakat Tanah Melayu, tetapi juga kerana ia menandakan satu langkah ke belakang daripada idea asal Persekutuan. Hak kewarganegaraan dan dasar tanah antara lain dikembalikan kepada peraturan dan kawalan negeri. Kewarganegaraan negeri menjadi penting sebagai kerakyatan Persekutuan supaya orang Melayu kembali kepada unit politik yang lebih kecil dan bukannya menumpukan perhatian kepada unit yang lebih besar. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan mendapati dirinya gagal dalam melaksanakan dasar negara seperti pengagihan dan penggunaan tanah. Nampaknya salah satu langkah pertama yang akan diambil oleh Legco selepas pilihan raya dan ini telah ditekankan oleh Perikatan sebelum ini iaitu untuk menyemak semula Perjanjian Persekutuan untuk membenarkan tahap kawalan Persekutuan yang lebih besar ke atas tanah dan dasar lain.

Dari segi psikologi, British pada umumnya mengekalkan sikap menghina orang Asia. Sikap ini telah digambarkan dalam dasar British iaitu untuk mengecualikan orang Asia dalam semua aspek kecuali segelintir orang Asia yang digaji untuk bekerja. Sikap British juga menunjukkan dirinya enggan dan kadang-kadang kurangnya kesedaran tentang keinginan untuk berunding dengan orang Asia dalam hal-hal yang berkaitan dengan mereka. Beberapa minggu lalu kerajaan mengeluarkan perintah untuk menaikkan duti import ke atas barang yang diperlukan untuk kehidupan sehari-hari penduduk. Memang benar bahawa langkah itu telah ditolak oleh Majlis Eksekutif, tetapi ia diluluskan tanpa perbahasan atau publisiti. British menganggap bahawa Kerajaan Persekutuan akan bertindak lebih bijak jika ia memberi peluang kepada parti politik dan/atau Legco untuk berhujah tentang merit rang undang-undang sebelum pelaksanaannya. Ini akan menjadi salah satu cara terbaik untuk memberikan rakyat sendiri rasa penyertaan dalam langkah-langkah yang memberi kesan kepada mereka. Majlis Perundangan Persekutuan buat pertama kali dalam sejarahnya meminda langkah pentadbiran dengan menghapuskan beberapa item daripada rang undang-undang duti import, sekali gus mengurangkan anggaran hasil Kerajaan sebanyak kira-kira 15%.

Bekerjasama dengan masyarakat tempatan adalah untuk mengekalkan keutamaan British di Tanah Melayu dengan meminimumkan pengaruh luar. Oleh kerana British bertekad bahawa Tanah Melayu akan kekal dalam lingkungan pengaruh mereka, mereka hanya meminta bantuan dari luar yang tidak menjelaskan peranan utama mereka dalam hal ehwal Persekutuan. Dalam beberapa kes, sumber British mungkin kekurangan dalam memenuhi keperluan Tanah Melayu, namun tidak mengharapkan bantuan dari pengaruh luar. Sebilangan kecil bantuan ketenteraan A.S. telah diperoleh dan beberapa bantuan teknikal kecil daripada PBB telah diterima, tetapi dalam kebanyakan kes, British telah cuba untuk membuat apa-apa sahaja yang mereka ada dan mampu. Terdapat insiden yang memperlihatkan sikap British di mana pakar pendidikan UNESCO yang diminta oleh seorang profesor Universiti Malaya untuk berkhidmat di Singapura dan ketibaannya dilayan oleh pegawai British dengan sesuatu yang kurang bersemangat.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, ternyata bahawa masalah besar British adalah berkaitan dengan politik, perkauman dan pendidikan. Asas kepada masalah ini adalah ketakutan British terhadap anasir-anasir yang boleh menggugat kedudukannya di negara ini. Dalam tempoh ini, anasir yang paling ditakuti British adalah Komunisme. Justeru itu, aspek politik, pendidikan dan kesatuan sekerja adalah sektor yang diberi perhatian serius oleh pihak British. British dilihat sangat menjaga hubungan kaum dan memastikan semua kaum mendapat tempat dalam sistem pentadbirannya. Justeru itu, pengaruh Komunisme akan dihalang oleh British dari mempengaruhi masyarakat di Tanah Melayu. British mempertahankan tujuannya untuk membentuk kepimpinan dalam kalangan penduduk Melayu untuk berkerajaan sendiri, namun golongan ini pula yang bangkit menentang mereka. Begitu juga jumlah orang Melayu dalam sistem pentadbiran yang sangat sedikit telah menimbulkan kesangsian tujuan asal British untuk memberi orang Melayu memimpin negara mereka. Apa yang dapat digambarkan, tujuan British hanya satu iaitu untuk mengekalkan kedudukannya walau dengan apa cara sekalipun dan apa pun masalah yang timbul hanya mereka yang boleh menguasai Tanah Melayu.

6.0 PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya, juga ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur yang menyediakan bahan untuk pengkaji mengutip dan menganalisis data. Tidak lupa juga kepada Universiti Malaysia Pahang melalui geran penyelidikan dalaman yang menyediakan dana bagi menyiapkan kajian ini.

7.0 KONFLIK KECENDERUNGAN

Penulisan ini tidak cenderung kepada mana-mana pihak dan tiada konflik kepentingan dalam menyiapkan penulisan ini. Penulis hanya menulis dan menterjemahkan semula apa yang disampaikan oleh Pegawai British berdasarkan sumber yang dipercayai.

8.0 RUJUKAN

- [1] Emily Sadka (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- [2] Frank Athelstane Swettenham (1907), *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence In Malaya*, January 1, 1907 by John Lane Company.
- [3] Frank Swettenham (2020), *British Malaya An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya, 1948*. Paperback Published June 30, 2020 by Routledge.
- [4] Hasnah Hussiin (2020), *Kegiatan Komunis di Pahang: Kajian terhadap strategi kerajaan dalam Katemeneh Komunis*, Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- [5] Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya. (2004).
- [6] Morgan H. Baumann (1981), *British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service and Its Predecessors, 1867-1942 (Contributions in Comparative Colonial Studies)* 1st Edition, Praeger.
- [7] Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar, dan Mohd Bin Samsudin (2016). Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama. *e-Bangi*. Special Issue 2: 83-95.
- [8] Rahamat bin Abu Kassim, *Darurat di Tanah Melayu 1948-1960: Strategi Parti Komunis Malaya (PKM) dan Pemerintah*, Disertasi ijazah Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, April 2008.
- [9] Some Problems faced by the British in Administering Malaya by Eric Kocher, American Kocher, Confidential File, 20 October 1954, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. (Fail 2012/0008125)
- [10] W. Linehan (1973), *History of Pahang*, MBRAS (Malayan Branch of Royal Asiatic Society).